



06 APR, 2024

TNB hargai peranan media

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

TNB hargai peranan media

Kuala Lumpur: Bagi menghargai peranan media sebagai penyampai maklumat, pengurusan tertinggi Tenaga Nasional Berhad (TNB) meraikan ketua pengarang dan pengarang kanan media tempatan dalam majlis berbuka puasa di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar di sini, kelmarin.

Menerusi kenyataannya semalam, TNB berkata, barisan pengurusan TNB yang diketuai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

(CEO) Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan bermah mesra dan meraikan lebih 30 pengarang dari pada organisasi media yang hadir.

"Media dengan peranannya sebagai penyampai maklumat dan lidah masyarakat memerlukan TNB, begitu juga sebaliknya TNB melalui media dapat menghebahkan pemakluman kepada rakyat," katanya.

Menurutnya, media sekian lama membantu TNB untuk menyampaikan

maklumat kepada masyarakat mengenai perkhidmatan elektrik negara bermula sebagai Lembaga Elektrik Pusat (CEB) pada 1949, diikuti Lembaga Elektrik Negara (LLN) pada tahun 1965 dan akhirnya menjadi TNB (1990).

Menuju masa depan, kata Megat Jalaluddin, TNB sudah merencanakan pelan mengurangkan pelepasan karbon dalam aspirasinya untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mamparn di Malaysia dan



KETUA pengarang dan pengarang kanan media dirai pada Majlis Berbuka Puasa di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar, kelmarin.

antarabangsa.

"TNB sebagai Penggerak Kemajuan Negara sejak sekian lama, mendukung ini-

siatif kerajaan dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bagi menjana tenaga

lebih bersih dalam usaha mengukuh komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)," katanya.